

Sokongan Kukuh Rakyat Malaysia Melonjakkan Proton e.MAS 5 ke Kedudukan Lima Kenderaan Paling Laris, Satu Pencapaian Bersejarah bagi Kenderaan Elektrik

*PRO-NET meraikan pencapaian penting dengan menawarkan manfaat Pengecasan EV dan
Perkhidmatan Selepas Jualan.*

Subang Jaya, 12 Februari 2026 - PRO-NET, anak syarikat kepada pengeluar automotif nasional PROTON, hari ini menzahirkan penghargaan tulus ikhlas kepada rakyat Malaysia susulan satu pencapaian bersejarah bagi jenama Proton e.MAS. Didorong oleh sokongan orang ramai serta keyakinan yang semakin meningkat terhadap mobiliti elektrik, jenama Proton e.MAS kini muncul sebagai Jenama EV No. 1 Malaysia, disokong oleh prestasi jualan awal tahun dan momentum tempahan yang memberangsangkan bagi rangkaian model EV dan PHEV.

Dalam bulan pertama penghantaran, sebanyak 3,068 unit Proton e.MAS 5 telah diserahkan kepada pelanggan di seluruh negara, sekali gus menjadikannya model EV No. 1 di Malaysia. Lebih daripada sekadar pencapaian jualan, kejayaan ini mencerminkan perubahan signifikan dalam sentimen pengguna apabila semakin ramai rakyat Malaysia menerima mobiliti elektrik sebagai pilihan yang praktikal dan mudah diakses untuk pemanduan harian. Proton e.MAS 5 turut tersenarai dalam lima kenderaan paling laris bagi bulan tersebut, dengan penguasaan 49.2% pegangan pasaran BEV serta 4.5% daripada jumlah keseluruhan jualan kenderaan.

“Respons yang memberangsangkan terhadap Proton e.MAS 5 mencerminkan kepercayaan dan keyakinan berterusan rakyat Malaysia terhadap jenama ini, di samping penerimaan yang semakin meningkat terhadap mobiliti elektrik. Kami menghargai segala sokongan yang diberikan dan amat berbesar hati melihat semakin ramai rakyat Malaysia menerima Proton e.MAS 5 sebagai langkah yang praktikal dan mudah diakses ke arah elektrifikasi,” kata Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, Mr. Zhang Qiang.

Tarikan Proton e.MAS 5 terletak pada ciri praktikalnya, pengalaman pemanduan yang menyeluruh serta harga yang berpatutan, menjadikannya sesuai untuk kegunaan harian, manakala ciri teknologi pintarnya membantu meningkatkan tahap kemudahan dan keselesaan di jalan raya. Warna paling popular bagi Proton e.MAS 5 ialah Moonstone White, diikuti oleh Marble Cream dan Quartz Rose.

Raikan Pencapaian dengan Manfaat Pengecasan dan Servis Selepas Jualan

Susulan permulaan yang memberangsangkan, PRO-NET ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia atas sokongan mereka, yang telah menjadikan Proton e.MAS jenama EV No. 1 di Malaysia pada bulan Januari. Sebagai tanda penghargaan, promosi ini disediakan untuk dinikmati oleh pelanggan sempena musim perayaan.

Sebagai sebahagian daripada promosi pengecasan sempena perayaan dari 14 Februari hingga 22 Februari 2026, pemilik Proton e.MAS dan smart Malaysia boleh menikmati *diskaun sehingga 25% ke atas caj pengecasan** apabila menggunakan Aplikasi Proton e.MAS dan Aplikasi Hello smart. Harga yang dikurangkan ini akan dipaparkan terus dalam aplikasi, membolehkan akses lancar ke lebih daripada 4,300 poin pengecasan di seluruh negara.

Selain itu, Proton e.MAS turut menawarkan pelbagai manfaat selepas jualan dari 1 Februari hingga 31 Mac 2026 sepanjang musim perayaan. Tersedia di 36 Pusat 3S Proton e.MAS yang sah di seluruh negara, manfaat selepas jualan sempena perayaan ini merangkumi:

- Pemeriksaan kenderaan percuma*
- Voucher diskaun RM50 untuk servis seterusnya*
- Cuci kereta percuma*
- Pengecasan percuma sehingga 80%*
- Pek Angpao percuma**

Tempah Proton e.MAS 5 atau Proton e.MAS 7 PHEV anda hari ini dengan hanya RM99

Dapatkan Proton e.MAS baharu anda dengan hanya dengan RM99, sama ada dengan mendaftar minat melalui laman web Proton e.MAS atau terus berkunjung ke mana-mana daripada 48 bilik pameran Proton e.MAS di seluruh negara.

Lawati laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 5.

*Terma dan syarat dikenakan.

** Sah sehingga stok masih ada.

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld
#PROTONeMAS5 #OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama di Malaysia, sebuah sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam memperkasakan penggunaan EV dan membangunkan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memimpin peralihan ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang tinggi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian bilik pameran yang berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, dan ekosistem yang lengkap memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah MENGINSPIRASI HUBUNGAN melalui penyampaian Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global